

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 2004/2005

Oktober 2004

**HBT 103 - Bahasa, Undang-Undang dan Terjemahan I**

Masa: 3 Jam

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Pastikan kertas soalan ini mengandungi **ENAM** halaman bercetak.
2. Jawab **SOALAN 1** dan **SOALAN 2**.
3. Tulis **SEMUA** jawapan anda dalam kertas jawapan.
4. Anda boleh membawa **sebuah kamus dwibahasa** (yang tidak bercatatan) ke dalam bilik peperiksaan.

**UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA.**

Soalan	Markah Penuh	Markah diperoleh
1	60	_____
2	40	_____
Jumlah	100	_____

1. Jawab A, B dan C:

A. Jawab soalan yang diberi.

[a] Apakah butiran-butiran penting yang wajib wujud di dalam satu kontrak?

[2 markah]

[b] Apakah prinsip yang lahir daripada kes *Fisher Lwn Bell* (1960) dalam undang-undang kontrak?

[2 markah]

[c] Apakah cara-cara menamatkan sesuatu *offer*?

[2 markah]

[d] Apakah antara keperluan-keperluan sesuatu balasan dalam kontrak?

[3 markah]

[e] Tunjukkan perbezaan antara *syarat-syarat* dan *waranti*.

[3 markah]

[f] Terangkan pembayaran hutang di bawah kes Pinnel.

[4 markah]

[g] Bagaimanakah *parole evidence rule* beroperasi?

[3 markah]

[h] Terangkan maksud pernyataan "...*the doctrine of promissory estoppel* '...is a shield not a sword'."

[4 markah]

[i] Bezakan antara kontrak tak sah (*void*) dan kontrak boleh tak sah (*voidable*).

[3 markah]

[j] Terangkan kekecualian dalam kontrak yang melibatkan '*minors*'.

[3 markah]

[k] Sebutkan antara peraturan aplikasi fasil pengecualian (*exemption clauses*) dalam sesuatu kontrak.

[3 markah]

[l] Bezakan antara terma nyata (*express terms*) dengan terma tersirat (*implied terms*) dalam sesuatu kontrak.

[3 markah]

B. Jawab [a] dan [b].

[a] Berikan padanan bagi istilah-istilah undang-undang berikut:

[ 5 markah]

- [i] *past performance*
- [ii] *assignment*
- [iii] *misrepresentation*
- [iv] *part owner*
- [v] *privity of contract*
- [vi] *partnership agreement*
- [vii] *consensus ad idem*
- [viii] *discharge of charge*
- [ix] *fundamental breach*
- [x] *restraint of trade*
- [xi] *pawnee*

[b] Berpandukan (B[a]) di atas, dengan ringkas terangkan kaedah yang disarankan oleh *Dewan Bahasa dan Pustaka* tentang cara membentuk istilah-istilah bahasa Malaysia.

[5 markah]

C. Jawab [a] dan [b].

(Tidak perlu salin soalan).

[a] Lihat teks yang diberi di bawah dan terjemahkan teks tersebut ke bahasa Malaysia.

[6 markah]

...4/-

*No action may be brought upon any contract for the sale or other disposition of land or any other interest in land, unless the agreement upon which such action is brought, or some memorandum or note thereof, is in writing, and signed by the party to be charged or by some other person thereunto by him lawfully authorized.*

Sumber: Barker, D. dan Padfield, C., 2003. **Law**, Singapore: Made Simple Books, ms. 117.

- [b] Bandingkan teks sumber dengan teks terjemahan dalam setiap satu dalam [i] hingga [iii]; kemudian bagi setiap terjemahan yang diberi buat pembetulan yang sesuai; seterusnya beri penilaian anda dari segi terjemahan kurang, melampau atau taksa.

**(Anda hanya perlu menuliskan pembetulannya sahaja dalam kertas jawapan anda; tidak perlu menyalin teks sumber).**

[9 markah]

- [i] *Incapacity is imposed by law upon a minor, not as a punishment, but to protect him from the consequences of his inexperience.*  
Tak berupaya dikenakan oleh undang-undang terhadap minor, bukan sebagai balasan akan tetapi untuk menjaganya daripada hal yang boleh berlaku kerana kurang pengalamannya.
- [ii] *The term “necessaries” has been held to include goods and services to the minor according to his station in life.*  
“Keperluan” telah dihakimi mahkamah sebagai meliputi barang dan perkhidmatan kepada minor mengikut stesyen hidupnya.
- [iii] *A corporation or a company is an artificial legal person. It is distinct from the individual person who are shareholders of the corporation.*  
Korporasi atau kompani ialah sesuatu individu tiruan. Ia lain daripada individu yang mempunyai sher dalam sesuatu korporasi.

2. Jawab soalan A, B dan C.

A. Jawab mana-mana **DUA** sahaja daripada [a], [b], [c] dan [d]: (soalan mempunyai pemberatan yang sama).

- [a] Terangkan pelbagai kesilapan (*mistake*) yang mungkin berlaku di dalam sesuatu kontrak.
- [b] Terangkan kesan duress (*duress*) dan pengaruh tak wajar (*undue influence*) terhadap sebuah kontrak, khususnya daripada sudut remedi.
- [c] Bagaimanakah sesuatu kontrak itu dapat dianggap menyalahi undang-undang (*illegal*)?
- [d] Jelaskan keadaan-keadaan apabila sesuatu kontrak itu dapat dilepaskan (*discharged*).

[15 markah]

B. Jawab **DUA** sahaja daripada [a], [b] dan [c]: (soalan mempunyai pemberatan yang sama)

- [a] Bezakan antara *common law* dan *statut*.
- [b] Bezakan antara '*convention*' dan '*law*'.
- [c] Terangkan *Ultra Vires*.

[15 markah]

C. Jawab **DUA** sahaja daripada [a], [b] dan [c]:

- [a] Dalam undang-undang pentadbiran negara, terangkan maksud pemisahan kuasa antara kuasa kehakiman (*judiciary*), pihak eksekutif (*executive branch*) dan Dewan Parlimen (*the Legislature*).

[5 markah]

- [b] Terangkan maksud keadilan asasi '*natural justice*' dalam undang-undang pentadbiran?

[5 markah]

[c] Terangkan maksud undang-undang DUA daripada ungkapan bahasa Latin yang disenaraikan di bawah:

- [i] *non est factum*
- [ii] *ignorantia juris non excusat*
- [iii] *restitutio in integrum*

[5 markah]